

MENJUNGKIRBALIKKAN MENTALITI KOLONIAL DALAM SEJARAH SENI BINA **MASJID NEGARA**

Masjid Negara, yang direka bentuk oleh Baharuddin Abu Kassim, merupakan satu-satunya projek nasional yang terletak di kawasan kubu kuasa Inggeris di Kuala Lumpur. Masjid yang dibina pada tahun 1965 ini memperlihatkan hasrat Tunku Abdul Rahman untuk memotret suatu tirai latar kolonial-pascakolonial yang ketara di Kuala Lumpur, selain mempamerkan keupayaan Malaysia untuk menyamai kemodenan Barat dengan syaratnya yang tertentu.



Walau bagaimanapun, tanda nyata tentang kurangnya penilaian sezaman yang kritis, kecuali beberapa ucapan tahniah dalam akhbar tempatan dan media yang lain. Setelah berlalu puluhan tahun, ditemukan dua aliran daripada penilaian dominan yang dibuat oleh para pengulas seni bina Masjid Negara. Yang pertamanya, kritikan secara menyeluruh yang mengaitkan reka bentuk masjid tersebut dengan pengetahuan dan amalan setempat. Yang keduanya, kritikan eksklusif yang menggolongkan masjid berkenaan sebagai bangunan Gaya Antarabangsa (*The International Style*).

Penilaian secara menyeluruh yang dilakukan oleh para sarjana tempatan dengan tegas menyatakan bahawa Masjid Negara merupakan imaginasi semula rumah tradisional Melayu. Hal ini diperluas bagi "mengembalikan prototaip Melayu sebagai amalan yang hidup" dengan sedikit warna optimisme yang progresif. Sebagai seorang daripada jurubina pendukung pemodenan Malaysia yang terawal, Baharuddin juga menilai dalam dua hal; iaitu reka bentuk Masjid Negara merupakan pelanjutan penyelidikannya tentang penjenisan masjid moden untuk projek reka bentuk akhir di University of Manchester, United Kingdom; dan membesar sebagai seorang anak kampung yang mudah terpengaruh. Maka itu, menjadi sifat semula jadi Baharuddin untuk menghidupkan semula perlambangan bentuk dan ruang yang terdapat di perkampungan Melayu tradisional melalui reka bentuknya untuk Masjid Negara.

Sebaliknya, selama hampir empat dasawarsa, penilaian eksklusif yang dilakukan oleh para sarjana dari dalam dan luar negara telah menguasai korpus pensejarahan seni bina Malaysia. Dakwaan Masjid Negara dibina dengan Gaya Antarabangsa dipelopori oleh Albert Moore pada tahun 1977 dengan menyebut masjid tersebut sebagai contoh utama bagi daya upaya tradisi Islam untuk memanfaatkan gaya seni bina antarabangsa moden. Pembahagian tradisional-modern Moore ini disahkan oleh para cendekiawan yang berhujah bahawa Masjid Negara tiada sedikitpun ralat dengan penjelmaan imaginasi lampau beralaskan pemutusan stilistiknya yang jelas.

Menurutnya lagi, Gaya Antarabangsa yang dibawa masuk daripada jurubina agung di Amerika diterapkan "dengan rapi dan imaginatif" oleh firma seni bina Malaysia yang sedang meningkat maju. Hal ini bagi membuktikan persemendaan yang nyata kepada prinsip gaya tersebut. Kesejagatan Gaya Antarabangsa yang diandaikan ini diterima berdasarkan nilai mukanya oleh para sarjana yang menegaskan bahawa gaya ini

.....

Kesejagatan Gaya Antarabangsa yang diandaikan ini diterima berdasarkan nilai mukanya oleh para sarjana yang menegaskan bahawa gaya ini digunakan di Masjid Negara sebagai pembentukan suatu identiti nasional baharu, memandangkan perkaedahannya yang neutral dan mekanikal mencerminkan rujukan masjid tersebut terhadap kumpulan etnik tertentu.

.....

digunakan di Masjid Negara sebagai pembentukan suatu identiti nasional baharu, memandangkan perkaedahannya yang neutral dan mekanikal mencerminkan rujukan masjid tersebut terhadap kumpulan etnik tertentu.

Para ilmuwan lain berusaha menggantikan alat stilistik tersebut dengan label bertumpuan Barat seperti "Ekspresionisme Struktural" dan "Ekspresionisme Moden", yang mana kedua-duanya menggambarkan bahawa kejayaan besar Masjid Negara ialah penyifatan gaya "baharu" ini sebagai suatu permulaan ulung bagi beberapa bangunan masjid negeri pascamerdeka di Malaysia.

Analisis kritis terhadap penilaian seni bina Masjid Negara mendedahkan empat aliran umum; iaitu pertumpuan Barat dan keyakinan diri yang palsu; dikotomi tradisional-modern; homogen melalui generalisasi; dan kompleks tinggi diri dan rendah diri. Penulis ingin memperkatakan tentang psikologi penindasan kerana menerima pertimbangan yang sangat kurang, jika ada sekalipun, dalam kesarjanaan dan pekerjaan seni bina.

Karya Franz Fanon misalnya, sangat instrumental dalam menyahbina sudut kolonialisme yang menghilangkan nilai kemanusiaan dan pewarisannya dalam psikologi mangsa penjajah. Salah satu pewarisannya melibatkan penghasilan mentaliti kolonial yang menjadi sifat pemikiran cendekiawan tempatan, seperti yang dibuktikan dalam kritikan eksklusif. Penindasan intelek ini telah mencederakan keyakinan diri para sarjana tempatan dan merintis kepada perceraian dengan masa lampau dan budaya, serta homogen sejarah modenisasi.

Susulan daripada idea pemodenan tanpa kemodenan, penulis menawarkan suatu kaedah sementara bagi mengungkai sihir psikologi ini dengan mengkritik prinsip estetika Gaya


Gaya Antarabangsa dan prinsipnya merupakan pernyataan seni bina yang terawal tentang modenisme. Matlamat tunggalnya adalah untuk mengalih dirinya daripada sejarah dengan mengalu-alukan keaslian, ketulenan, dan kejelasan melalui tiga prinsip utama; iaitu yang pertamanya, seni bina sebagai isi padu dan bukannya jisim; yang keduanya, kenalaran sebagai kaedah utama bagi susun atur dan bukannya simetri berpaksi; dan yang ketiganya, penerapan hiasan secara sebarangan.

sejarah dengan mengalu-alukan keaslian, ketulenan, dan kejelasan melalui tiga prinsip utama; iaitu yang pertamanya, seni bina sebagai isi padu dan bukannya jisim; yang keduanya, kenalaran sebagai kaedah utama bagi susun atur dan bukannya simetri berpaksi; dan yang ketiganya, penerapan hiasan secara sebarangan.

Prinsip pertama iaitu seni bina sebagai isi padu didemonstrasikan dengan jelas di Masjid Negara dan Masjid Langgar, Kota Bharu. Prinsip ini dapat dilihat pada bentuk kotak bersistem terbuka yang disokong oleh tiang rangka dengan binaan tiang dan rasuk, sebelum diselubungi oleh dinding-dinding nipis. Hal ini dapatlah dipermudahkan secara figuratif kepada titik dan garisan yang menandakan sokongan dan pemisahan daripada persekitaran luar. Isi padu objek tersebut yang disempadani oleh permukaan satah yang tidak putus, persis fabrik yang diregang erat-erat, menunjukkan kesan keniskalaan dan kenirberatan Masjid Negara.

Hal ini dicapai melalui dinding konkrit bertetulang atau pintu gelangsar kaca berketinggian penuh yang mengelilingi dewan solat dengan anjungnya dilindungi oleh jerejak terazo. Sementara itu, di Masjid Langgar, dewan solat dibingkaikan dengan dinding berpanel kayu. Tertib susun atur pembukaan bangunan pada permukaan dinding kedua-dua buah masjid yang tekak memelihara keutuhan satah dinding; rangka-rangkanya yang nipis cukup untuk dibezakan daripada tiang rangka utama.

Antarabangsa melalui penelitian terhadap masjid tradisional di alam Melayu. Gaya Antarabangsa dan prinsipnya merupakan pernyataan seni bina yang terawal tentang modenisme. Matlamat tunggalnya adalah untuk mengalih dirinya daripada



Tiang-tiang di ruang solat Masjid Negara.



Makam Pahlawan dijadikan sebagai tempat pengebumian khas bagi para pemimpin dan wira negara.

Prinsip kedua, iaitu kenalaran sebagai kaedah utama bagi susun atur, ditampilkan dengan nyata di Masjid Negara dan Masjid Agung Demak, Kabupaten Demak. Penekanan berganda kepada suatu simetri saranan dapat diamati, bukan sahaja di dewan solat, bahkan di ruang sampingan yang tiada satu pun lebih dominan daripada yang lainnya. Ekspresi kasual aneka ruang yang dihimpunkan dalam kompleks bangunan ini tidak bersimetri kerana tiada nalar dalam bentuk dan fungsi, tetapi disatukan dengan munasabah dalam bentuk struktur asimetri tetap. Di Masjid Negara, kolam hiasannya yang berbentuk segi empat tepat dan anjungnya yang terlindung masing-masing mengadang dan memadukan ruang sakral.

Sementara itu, di Masjid Agung Demak, tanah perkuburannya yang tidak berbentuk tetap menghubungkan kesucian kedua-dua dewan solat dan bangunan makam. Struktur dan ruang yang mendatar benar-benar dilahirkan dalam kepelbagaian aras banir tiang dan latar bumbung di Masjid Negara, serta dalam bumbung berbentuk piramid tiga tingkat di Masjid Agung Demak, mencerminkan pengharmonian pelbagai unsur diskrit menjadi skema perkadaran yang tetap.

Prinsip terakhir, iaitu penerapan hiasan secara sebarangan, dikemukakan dengan ketara di Masjid Negara dan Masjid Kampung Laut, Nilam Puri pada kurun ke-15. Ketiadaan taman hiasan formal dalam kedua-dua kawasan masjid menampakkan kesaksamaan yang nyata, tetapi menyamakan antara estetika sudut tegak dalam alam bina dengan geometri organik alam semula jadi. Meskipun kedua-

dua buah masjid ini terletak dalam persekitaran yang berbeza – Masjid Negara pada dasarnya dihidupkan oleh masyarakat bandar dengan bilangan yang besar; dan Masjid Kampung Laut pula oleh masyarakat luar bandar yang jauh lebih kecil jumlahnya – kedua-duanya dengan seimbang mengekalkan hubungan yang langsung dengan alam persekitarannya.

Kritikan tersebut membuktikan dengan pasti perkembangan daya fikir dan kebudayaan Barat yang telah ditidakkkan sebagai "tradisional" atau "vernakular". Tidakkah ironi penyamaran bangunan Gaya Antarabangsa di Malaysia hanyalah sebagai kontemporari realiti setempat bagi jurubina tempatan? Di samping itu, ditemukan dua komplikasi yang dikaitkan dengan Gaya Antarabangsa; yang pertamanya, merupakan suatu penstandardan rumus estetika tertentu yang terlalu mudah tanpa mengurus realiti politik, ekonomi, sosial, dan budaya lain dalam penghasilannya; yang keduanya, prinsipnya yang didakwa diterbitkan daripada pengujikajian oleh jurubina agung dari Eropah hanyalah mengesahkan pertumpuan Barat, di mana selain Jepun, 14 daripada 15 buah negara yang diketengahkan dalam pameran dan katalog di bawah seliaan Henry-Russell Hitchcock dan Philip Johnson pada 1933 adalah dari Barat.

Pengkanunan prinsip estetika Gaya Antarabangsa yang dapat dipertikaikan telah mengisi tepu sejarah seni bina normatif, namun perpindahan wacana daripada naratif homogen yang tunggal kepada yang meraihan kepelbagaian naratif representatif yang tulen mutakhir ini terus mendesak profesion seni bina untuk mempersoalkan sempadan dan kaedahnya. 